

12 SEP 1996  
LIMOS-Penyertaan  
SEBANYAK 80 SYARIKAT SAH MENYERTAI LIMOS '96

LANGKAWI, 12 Sept (Bernama) -- Sebanyak 80 syarikat dari dalam dan luar negara mengesahkan penyertaan di Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (LIMOS '96), yang akan berlangsung di sini dari 29 Nov hingga 8 Dis ini.

Pengurus Pemasaran Le Proton Exhibition Services Sdn Bhd, Cik Azma Rahman, berkata, antara yang mengesahkan penyertaan adalah pengeluar kereta terkemuka dari Jerman, Britain, Itali, Amerika Syarikat (AS), Australia, Indonesia, Malaysia dan Filipina serta pengedar dari beberapa negara lain termasuk Singapura.

Lebih banyak penyertaan dijangka diterima menjelang pameran itu setelah Le Proton mengadakan promosi besar-besaran di beberapa pameran motor antarabangsa bulan depan, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa persiapan LIMOS '96, di Pejabat Daerah Langkawi, hari ini.

Azma berkata, penganjur LIMOS '96 itu akan mengadakan promosi di Pameran Motor Paris dari 3 hingga 13 Okt, di Pameran Motor Berlin mulai 16 hingga 27 Okt dan di Pameran Motor Antarabangsa Britain, juga dari 16 hingga 27 Okt.

Menurut beliau, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan LIMOS '96 di Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri.

Pada pameran kali kedua itu, beberapa buah motosikal nasional akan dipamerkan.

Selain itu, 50 buah kereta Ferrari akan mengambil bahagian dalam acara "Peninsular Run" dari Singapura ke Langkawi dan menyertai acara mengeliling Pulau Langkawi yang diadakan bersempena LIMOS '96.

Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan perlumbaan "go-kart" jemputan antarabangsa yang dijangka disertai 50 pelumba dari Hong Kong, Filipina, Singapura, Indonesia, Thailand dan Malaysia.

Langkawi juga akan menjadi gelanggang terakhir bagi Kejohanan "Marlboro Castrol Cub Prix" yang akan disertai 180 pelumba tempatan.

-- BERNAMA

ZI MFJ PR